

Keutamaan Bahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu pada Sekolah-sekolah di Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Dalam realitinya, kebanyakan guru mengajar lebih terikat dengan penggunaan buku teks. Maka akibat dari ketergantungan kepada buku teks ini boleh mengurangi keinginan guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Sementara itu, guru yang baik dalam mengajarkan BM (Bahasa Melayu) juga perlu menguasai pengetahuan isi BM, aspek pedagogi dan pengetahuan isi pedagogi dalam usaha untuk meningkatkan mutu berbahasa pelajar. Kajian secara deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik untuk pelajar dan guru BM disediakan untuk mendapatkan data yang berkaitan. Seramai 96 guru yang mengajar BM dan 278 pelajar dilibatkan dalam kajian ini dari beberapa buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Data dianalisis menggunakan SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru berasa puas semasa mengajar jika menggunakan BBM (Bahan Bantu Mengajar). Proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan dan isi pelajaran dapat disampaikan sepenuhnya. Manakala dari segi ekspektasi pelajar pula, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar berasa sangat seronok jika guru mereka menggunakan BBM semasa mengajar. Ini membantu pemahaman mereka terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. BBM yang sesuai memberi kesan terhadap minat pelajar. Komputer merupakan BBM yang paling diminati. Ini menunjukkan bahawa guru perlu celik komputer bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar kini.

Kata-kata kunci: bahan bantu mengajar, bahasa Melayu, proses pengajaran dan pembelajaran, serta keberkesanan mengajar.

PENDAHULUAN

Atan Long (1986) menganggap bahawa guru yang baik memiliki ciri-ciri seperti sahsiah yang baik, memiliki latar belakang pengetahuan yang hendak diajar dan berkemampuan dalam penyampaian. Manakala L.S. Schulman (1986 dan 1987) pula menganggap bahawa untuk menjadi guru yang efektif, mereka perlu menonjolkan kecekapan dalam penguasaan isi kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kandungan pedagogi. Pengetahuan isi kandungan meliputi memahami konsep dan yang mendasari struktur konsep yang diajar, manakala pengetahuan pedagogi pula merujuk kepada kemahiran

Dr. Yahya Othman ialah Pensyarah Kanan pada Pendidikan Bahasa dan Literasi, Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah UBD (Universiti Brunei Darussalam). Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat emel: yahyaoth@gmail.com

yang perlu ada seperti membimbing, mengurus, menilai dan berkomunikasi dengan pelajar. Pengetahuan kandungan pedagogi merangkumi kebolehan menyampaikan pengetahuan kandungan untuk meningkatkan pemahaman dan pencapaian.

Kesemua ciri yang dinyatakan itu mempunyai implikasi terhadap pengajaran Bahasa Melayu (BM). Guru yang baik dalam mengajarkan BM perlu menguasai pengetahuan kandungan BM, aspek pedagogi dan pengetahuan kandungan pedagogi dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu penguasaan bahasa pelajar. Sehubungan itu, dalam konteks pedagogi, guru perlu mengambil kira keperluan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) untuk menjadikan pengajaran lebih menarik. Terdapat beberapa kajian yang mengkaji penggunaan BBM dalam pengajaran dan kesannya terhadap pencapaian (Asad bin Awang, 1995; Jeyakumar Govindan, 1998; dan Mohd. Azidan Abdul Jabar, 1998). Kebanyakan kajian menunjukkan wujudnya kesan penggunaan bahan dengan pencapaian pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahan bantu mengajar sering diberikan perhatian, terutamanya dalam penyediaan guru-guru pra-perkhidmatan. Semasa latihan, pendedahan diberikan dalam pelbagai aspek yang meliputi pengenalan teori, reka bentuk pengajaran, penyediaan bahan, penggunaan dalam pengajaran serta penilaian bahan. Mereka juga ditegaskan tentang kepentingan menggunakan bahan tersebut semasa latihan mengajar untuk memastikan ilmu yang disampaikan di dalam bilik kuliah dapat diaplikasikan. Semasa dalam latihan juga, penggunaan bahan bantu tersebut dinilai oleh pensyarah dan mereka perlu menyediakan serta menggunakannya di dalam latihan pengajaran mikro dan makro.

Walau bagaimanapun, amalan tersebut sering tidak diteruskan oleh guru-guru semasa mereka telah dilantik sebagai guru terlatih. Antara permasalahan yang wujud dalam penggunaan bahan bantu mengajar ialah berkaitan aspek sikap dan motivasi, pemantauan, pendedahan semula dan persekitaran kerja. Kebanyakan guru mengajar lebih terikat dengan penggunaan buku teks. Pada mereka, semua yang ingin disampaikan sudah tersedia di dalamnya. Maka kesan pergantungan kepada penggunaan buku teks dilihat boleh mengurangkan kehendak guru menyediakan bahan bantu mengajar.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar mereka yang tidak menggunakan langsung buku teks dan hanya menggunakan buku kerja, terutama dalam membuat latihan. Guru juga sering bersikap tidak profesional apabila mengajar tanpa memberikan contoh yang sesuai bagi tujuan menguatkan penerangan yang diberikan. Ini mengakibatkan pelajar tidak mendapat pendedahan serta penghuraian yang sewajarnya terhadap sesuatu permasalahan yang dihadapi. Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar juga dianggap sebagai bebanan kerana mereka perlu memperuntukkan masa, tenaga dan wang untuk menyediakan bahan tersebut. Mereka juga perlu bersedia dari segi idea dan pemikiran secara kritis dan kreatif serta inovatif bagi memastikan

bahan yang dihasilkan mampu membantu pembelajaran pelajar.

Isu lain yang sering dikaitkan dengan penggunaan BBM ialah aspek pemantauan secara berkala oleh pentadbir yang dapat memberikan penegasan terhadap pentingnya bahan dalam pengajaran. Melalui pemantauan yang berkala, guru perlu lebih bersedia untuk menggunakan bahan bantu mengajar dan secara tidak langsung dapat membudayakan aspek tersebut dalam dunia pendidikan. Tidak semua guru dapat menjadikan sesuatu arahan yang dikeluarkan oleh pentadbir sebagai satu kemestian, kecuali diikuti dengan pemantauan dan melakukan bimbingan.

Masalah masa dan tenaga juga sering membantutkan usaha menggunakan bahan bantu mengajar. Guru sering menyatakan bahasa mereka terbeban dengan tugas-tugas pengajaran dan perkhidmatan yang lain, dan ini dikaitkan dengan penyediaan bahan pengajaran.

OBJEKTIF, SOALAN DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menghuraikan perspektif guru dan pelajar terhadap penggunaan BBM dalam pengajaran BM. Berikut adalah soalan-soalan untuk memenuhi objektif kajian, iaitu: (1) Apakah perspektif guru BM terhadap penguasaan BBM?; dan (2) Apakah perspektif pelajar terhadap penggunaan BBM dalam mata pelajaran BM ?

Kajian secara deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik untuk pelajar dan guru BM disediakan untuk mendapatkan data yang berkaitan. Sebanyak 96 guru yang mengajar BM dan 278 pelajar dilibatkan dalam kajian ini dari beberapa buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Data dianalisis menggunakan SPSS.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN:

A. LATAR BELAKANG SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru BM yang kebanyakannya pengkhususan latihan mereka ialah BM (89.6%) manakala selebihnya (10.4%) bukan pengkhususan BM seperti dalam jadual di bawah ini:

Jadual 1:
Pengkhususan Guru

Pengkhususan	Bilangan	Peratus
Bahasa Melayu	86	89.6
Bukan BM	10	10.4
Jumlah	96	100.0

Manakala berdasarkan pengalaman mengajar, kebanyakan sampel kajian berpengalaman mengajar antara 1-10 tahun (44.8%) dan 11-20 tahun (43.8%). Terdapat 11.5% sampel kajian berpengalaman mengajar 21 tahun ke atas, seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah ini:

Jadual 2:
Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu

Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratus
1 - 10 tahun	43	44.8
11 - 20 tahun	42	43.8
21 tahun ke atas	11	11.5
Jumlah	96	100.0

Sampel kajian juga kebanyakannya pernah menghadiri kursus berkaitan bahan bantu mengajar (77.1%) seperti dalam jadual 3. Manakala 22.9% sampel menyatakan bahawa mereka tidak pernah didedahkan dengan bahan bantu mengajar. Walau bagaimanapun, kesemua guru dalam pra-perkhidmatan telah menjalani latihan perguruan yang meliputi kursus teknologi pendidikan bagi tujuan mendedahkan mereka dengan penyediaan bahan bantu mengajar.

Jadual 3:
Pendedahan/Latihan BBM

Pendedahan	Bilangan	Peratus
Pernah	74	77.1
Tak pernah	22	22.9
Jumlah	96	100.0

B. PENGUASAAN BM DAN PENGGUNAAN BBM

Kebanyakan sampel kajian mengakui bahawa penggunaan BBM mempengaruhi penguasaan BM (min 3.38) manakala min 3.24 sampel kajian menjangkakan bahawa pelajar dapat menguasai kemahiran bahasa dengan lebih lancar. Ini menunjukkan bahawa perspektif guru terhadap kesan penggunaan BBM ke atas penguasaan bahasa adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa penguasaan bahasa pelajar secara sederhana dipengaruhi oleh bahan yang digunakan oleh guru semasa mengajar.

Jadual 4:
Penguasaan Bahasa

Pernyataan	Min
Penggunaan BBM dalam pengajaran mempengaruhi penguasaan BM pelajar.	3.38
Penguasaan bahasa dapat diajar dengan lebih lancar jika guru menggunakan BBM.	3.24
Pelajar dapat menguasai kemahiran bahasa (lisan, membaca dan menulis) dengan lebih mudah jika guru menggunakan BBM yang sesuai.	3.32

C. BBM DAN PENGUASAAN TATABAHASA

Dalam penguasaan tatabahasa, sampel kajian menjangkakan bahawa penggunaan bahan dapat membantu pelajar menguasai tatabahasa dengan lebih baik (min 3.16). Sampel juga menyatakan bahawa pelajar berminat mempelajari tatabahasa apabila menggunakan bahan bantu mengajar (min 3.32). Berdasarkan dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa perspektif guru terhadap keberkesanan penggunaan BBM bagi membantu penguasaan aspek tatabahasa adalah pada tahap sederhana.

Jadual 5:
Penguasaan Tatabahasa

Pernyataan	min
Aspek tatabahasa mudah dikuasai oleh pelajar jika BBM digunakan dalam pengajaran.	3.16
Penggunaan BBM mempengaruhi minat pelajar mempelajari tatabahasa.	3.32

D. BBM DAN KANDUNGAN KURIKULUM BM

Sampel kajian menyatakan bahawa guru perlu mematuhi kandungan kurikulum BM dengan menggunakan BBM (min 3.01). Begitu juga dengan aspek pematuan kurikulum, sampel kajian setuju (min 3.06) bahawa mereka memerlukan penggunaan BBM dijelaskan secara terperinci. Ini menggambarkan sampel kajian memberikan penekanan terhadap aspek kurikulum serta kaitannya dengan penggunaan BBM dalam pengajaran BM.

Jadual 6:
Kurikulum BM dan Penggunaan BBM Keperluan Mengikuti Kursus

Pernyataan	min
Guru perlu mematuhi kandungan kurikulum BM dengan menggunakan BBM.	3.01
Untuk mematuhi kandungan kurikulum BM, BBM perlu dijelaskan secara terperinci.	3.06

Sampel kajian juga menunjukkan bahawa faktor pendedahan terhadap BBM mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran (jadual 7). Sampel kajian menunjukkan bahawa minat terhadap keperluan berkursus berkaitan dengan BBM (min 3.34). Ini juga menunjukkan bahawa sampel kajian memberikan perhatian terhadap keperluan latihan yang banyak membantu mereka dalam mempertingkatkan lagi mutu pengajaran.

Jadual 7:
Minat Menghadiri Kursus

Pernyataan	Min
Saya berminat untuk mengikuti kursus berkaitan BBM untuk menambahkan lagi pengetahuan dan kemahiran.	3.34

E. CARA GURU BM MENYEDIKAN BBM

Dari segi penyediaan BBM, sampel kajian setuju (min 3.34) dengan menyatakan mereka menggunakan BBM yang dibina sendiri (jadual 8). Mereka tidak membeli bahan yang ingin digunakan di dalam pengajaran (min 2.91). Ini menunjukkan bahawa sampel kajian berusaha sendiri menyediakan BBM dan tidak begitu menekankan BBM yang terdapat di pasaran. Walaupun BBM agak sukar disediakan namun mereka berpendapat bahawa bahan yang disediakan sendiri juga dapat memenuhi keperluan pengajaran mereka.

Jadual 8:
Penyediaan Bahan

Pernyataan	min
Saya banyak menyediakan sendiri BBM.	3.34
Saya membeli sendiri BBM yang saya fikirkan sesuai untuk pengajaran.	2.91

F. FAKTOR AFEKTIF DALAM PENGGUNAAN BBM

Sampel kajian bersetuju bahawa penggunaan BBM dapat meningkatkan motivasi pelajar (min 3.36). Seperti yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji (Asad bin Awang, 1995; Jeyakumar Govindan, 1998; dan Mohd. Azidan Abdul Jabar, 1998) bahawa bahan bantu yang digunakan dalam pengajaran dapat memberikan dimensi baru kepada pelajar untuk memahami dengan lebih jelas pengajaran yang disampaikan oleh guru. Sampel kajian juga tidak setuju (min 2.85) bahawa mereka terdorong untuk menyediakan BBM walaupun mempunyai tugas yang banyak. Ini menunjukkan bahawa beban tugas guru boleh mempengaruhi sampel kajian dalam menyediakan BBM. Keadaan ini juga boleh memberi kesan terhadap motivasi mereka.

Jadual 9:
Faktor Afektif dalam Penggunaan BBM

Pernyataan	Min
Saya dapati, penggunaan BBM yang sesuai dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai BM.	3.36
Saya mempunyai motivasi yang tinggi dalam usaha menggunakan bahan pengajaran BM.	3.08
Walaupun tugas guru banyak, saya masih terdorong untuk menyediakan BBM.	2.85

G. FAKTOR PENTADBIR DALAM PENGGUNAAN BBM

Sampel kajian menyatakan bahawa penggunaan BBM dilaksanakan tanpa dipengaruhi oleh pihak pentadbir (min 2.28). Seperti dapatan kajian yang diuraikan sebelum ini bahawa mereka bermotivasi dalam menyediakan BBM. Faktor dalaman sendiri seperti yang dinyatakan oleh responden kajian

menggambarkan bahawa penyediaan bahan dapat membantu keberkesanan pengajaran. Selain itu, sampel kajian juga tidak terpengaruh dengan keperluan pihak pentadbir dalam menggunakan BBM (min 1.69). Ini menunjukkan bahawa sampel kajian menggunakan BBM tanpa dipengaruhi oleh pihak pentadbir sekolah.

Jadual 10:
Faktor Pentadbir dalam Penggunaan BBM

Pernyataan	Min
Saya menggunakan BBM apabila ditegur oleh pihak pentadbir.	2.28
Saya menggunakan BBM apabila pihak pentadbir ingin melakukan penyeliaan.	1.69

Sampel kajian menyatakan bahawa penggunaan bahan mampu meningkatkan mutu profesionalisme guru BM (min 3.39). Mereka setuju bahawa pengajaran berkesan apabila menggunakan BBM (min 3.15). Ini menunjukkan bahawa guru setuju untuk menjadikan penggunaan bahan sebagai alat untuk memantapkan lagi pengajaran bahasa. Walau bagaimanapun, sampel kajian tidak berpuas hati apabila menggunakan BBM dalam pengajarannya (min 2.21). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru tidak setuju untuk menyatakan mereka mampu secara sederhana dalam meningkatkan mutu profesionalisme dan mereka juga kurang berpuas hati dengan penggunaan BBM dalam pengajaran BM. Ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan BBM dalam pengajaran masih lagi belum dapat membantu guru meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Jadual 11:
Profesionalisme dalam Penggunaan BBM

Pernyataan	Min
Saya percaya, penggunaan bahan pengajaran yang baik mampu meningkatkan mutu profesionalisme guru BM.	3.39
Saya sering memikirkan keberkesanan pengajaran apabila menggunakan BBM.	3.15
Saya merasa berpuas hati apabila menggunakan BBM.	2.21

Dari segi kepuasan mereka setuju bahawa perlu menunjukkan kepada rakan mereka yang ia merupakan guru yang dedikasi (min 3.11). Walau bagaimanapun, sampel kajian tidak bersetuju dengan pernyataan agar guru lain mencontohinya jika ia menggunakan BBM (min 1.96). Manakala dari segi pengiktirafan, sampel kajian setuju jika mendapatkan pengiktirafan jika menggunakan BBM (min 3.15). Kesemua aspek ini menggambarkan sampel kajian komited menggunakan BBM dalam menjalankan pengajarannya.

Jadual 12:
Dorongan dalam penggunaan BBM

Pernyataan	Min
Apabila menggunakan BBM, saya ingin menunjukkan kepada rakan bahawa saya adalah guru yang dedikasi.	3.11
Saya terdorong menggunakan BBM untuk tujuan pengiktirafan	3.15
Saya ingin guru lain mencontohi saya jika saya menggunakan BBM.	1.96

Dapatan kajian berdasarkan perspektif guru menunjukkan bahawa guru berpendapat BBM mempengaruhi pelajar dalam penguasaan BM. Di samping itu mereka juga beranggapan bahawa penggunaan BBM semasa mengajar juga membantu pelajar untuk menguasai kemahiran bahasa serta tatabahasa. Dapatan juga menggambarkan bahawa guru memikirkan secara mendalam penggunaan BBM semasa mengajar. Pada mereka, pengajaran tanpa menggunakan BBM sudah memadai untuk membolehkan pelajar menguasai BM dengan baik.

H. PENGGUNAAN BAHAN DALAM PEMBELAJARAN BM DARIPADA PERSPEKTIF PELAJAR

Dalam bahagian ini akan diuraikan dapatan kajian yang melibatkan perspektif pelajar terhadap penggunaan BBM dalam pembelajaran BM. Taburan bilangan sampel kajian dari kalangan pelajar dinyatakan seperti dalam jadual di bawah ini:

Jadual 14:
Taburan Sampel Kajian Berdasarkan Ras

Ras	Bil	Peratus
Melayu	213	76.6
Cina	39	14.0
India	26	9.3
Jumlah	278	100.0

I. KEPERLUAN GURU MENGGUNAKAN BBM

Dapatan kajian seperti dalam rajah 15 di bawah menunjukkan bahawa sampel kajian setuju bahawa mereka berminat belajar jika guru BM mereka menggunakan BBM semasa mengajar (min 3.43). Di samping itu mereka juga menyatakan bahawa guru BM perlu menggunakan BBM dalam pengajarannya (min 3.22). Walau bagaimanapun, mereka kurang setuju jika guru BM hanya menegaskan penguasaan kandungan mata pelajaran tanpa menggunakan BBM (min 2.09). Ini menunjukkan bahawa pelajar mahukan pengajaran guru

perlu menggunakan BBM bagi memastikan mereka mendapat gambaran yang menyeluruh berkaitan tajuk yang disampaikan.

Jadual 15:

Keperluan Guru Menggunakan BBM dalam Pengajaran Bebanan Tugas Guru dalam Menggunakan BBM

Pernyataan	Min
Lebih berminat belajar jika guru menggunakan BBM.	3.43
BBM perlu digunakan dalam pengajaran.	3.22
Guru perlu menekankan penguasaan kandungan BM tanpa menggunakan BBM.	2.09

Menurut perspektif sampel kajian (rajah 16), guru BM tidak terbeban ketika menggunakan BBM dalam pengajarannya (min 2.25). Sampel kajian juga menyatakan sangat tidak setuju jika penggunaan BBM akan mengganggu pembelajaran mereka (min 1.67).

Jadual 16:

Perspektif Sampel Kajian terhadap Bebanan Tugas Guru

Pernyataan	Min
Guru terbeban jika mengajar menggunakan BBM.	2.25
Penggunaan BBM boleh mengganggu pembelajaran saya.	1.67

J. KEMAHIRAN DAN KREATIVITI GURU

Daripada perspektif sampel kajian, mereka setuju agar guru perlu mahir (min 3.29) dan kreatif (min 3.36) dalam menyedia dan menggunakan BBM. Ini menggambarkan bahawa pelajar dapat menggambarkan keperluan dari segi kemahiran dan kreativiti yang perlu dimiliki oleh guru mereka dalam menyedia dan menggunakan BBM.

Jadual 17:

Kemahiran dan Kreativiti Guru

Pernyataan	Min
Guru BM perlu mahir menyedia dan menggunakan BBM.	3.29
Guru BM perlu kreatif menyedia dan menggunakan BBM.	3.36

K. KESAN AFEKTIF PENGGUNAAN BBM

Dari segi afektifnya, sampel kajian menyatakan bahawa pelajar seronok belajar jika guru BM menggunakan BBM semasa mengajar (min 3.36). Manakala sampel kajian juga lebih bermotivasi belajar jika guru menggunakan BBM dalam pengajarannya (min 3.14).

Jadual 18:
Kesan Afektif terhadap Penggunaan BBM

Pernyataan	Min
Saya anggap pelajar seronok jika guru BM menggunakan BBM.	3.36
Saya lebih bermotivasi jika guru BM menggunakan BBM.	3.14

L. PERSPEKTIF PILIHAN PELAJAR TERHADAP BBM

Berdasarkan dapatan kajian, pilihan utama pelajar dalam penggunaan BBM ialah komputer (pilihan pertama – 63.7%); bahan audio (pilihan kedua – 45.7%); gambar (pilihan ketiga – 32.0%); dan akhbar (pilihan keempat – 31.7%). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pilihan terhadap BBM jenis elektronik sangat digemari oleh sampel kajian. Manakala bahan jenis bercetak (akhbar dan gambar) kurang diminati oleh sampel kajian.

Jadual 19:
Taburan Pilihan Pelajar terhadap BBM

Pilihan	Jenis bahan	%
Pertama	Komputer	63.7
Kedua	Audio	45.7
Ketiga	Gambar	32.0
Keempat	Akhbar	31.7

M. HUBUNGAN ANTARA FAKTOR RAS DENGAN MINAT BELAJAR JIKA GURU MENGGUNAKAN BBM

Berdasarkan dapatan (jadual 23), terdapat hubungan yang signifikan (-.120) antara ras sampel kajian dengan minat belajar BM jika guru menggunakan BBM. Ini menunjukkan bahawa faktor ras mempengaruhi minat belajar BM terutama jika guru BM menggunakan BBM.

Jadual 23:
Hubungan antara Faktor Ras dengan Minat Belajar jika Guru Menggunakan BBM

		Ras	Minat Belajar
Ras	Pearson Correlation	1	-.120(*)
	Sig. (2-tailed)		.045
	N	278	278
Minat belajar	Pearson Correlation	-.120(*)	1
	Sig. (2-tailed)	.045	
	N	278	278

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

		Minat belajar				Jumlah
		STS	TS	S	SS	
Ras	Melayu	6(2.8%)	10(4.7%)	71(33.3%)	126(59.2%)	213
	Cina	4(10.3%)	1(2.6%)	18(46.2%)	16(41.0%)	39
	India	0	1(3.8%)	16(61.5%)	9(34.6%)	26
Jumlah		10	12	105	151	278

Daripada 59.2% sampel kajian pelajar Melayu menyatakan sangat setuju dengan penggunaan BBB dalam pengajaran BM. Manakala 41% pelajar Cina dan 34.6% pelajar India menyatakan sangat setuju dengan penggunaan BBM. Dalam hal ini, guru mempunyai tugas yang berat dalam memastikan penggunaan BBM dilaksanakan dalam pengajaran.

N. HUBUNGAN ANTARA FAKTOR RAS DENGAN SERONOK BELAJAR JIKA GURU MENGGUNAKAN BBM

Berdasarkan dapatan kajian (rajah 27) menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan (-.147) antara ras dengan merasa seronok jika guru menggunakan BBM. Ini menunjukkan bahawa sampel kajian akan berasa seronok jika guru menggunakan BBM semasa mengajar BM.

Jadual 24:

Hubungan Antara Faktor Ras dengan Kesonokan Belajar Jika Guru Menggunakan BBM

		Ras	Seronok
Ras	Pearson Correlation	1	-.147(*)
	Sig. (2-tailed)		.014
	N	278	278
Seronok	Pearson Correlation	-.147(*)	1
	Sig. (2-tailed)	.014	
	N	278	278

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

		Seronok Belajar				Jumlah
		STS	TS	S	SS	
Ras	Melayu	6(2.8%)	15(7.0%)	71(33.3%)	121(56.8%)	213
	Cina	3(7.7%)	2(5.1%)	23(58.9%)	11(28.2%)	39
	India	0	3(11.5%)	16(61.5%)	7(26.9%)	26
Jumlah		9	20	110	139	278

Daripada 56.8% pelajar Melayu, 28.2% pelajar Cina, 22.2% pelajar India, dan 29.4% pelajar lain-lain menyatakan sangat seronok jika guru menggunakan BBM dalam pengajarannya. Dapatan ini juga menggambarkan wujudnya

suasana yang sangat ceria apabila penggunaan BBM dapat diaplikasikan dalam pengajaran.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa BBM merupakan wadah yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini diakui sendiri oleh pelajar-pelajar yang amat memerlukan ilmu. Pelajar-pelajar berasa begitu seronok apabila guru-guru mereka menggunakan BBM, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran BM. Mereka menjangkakan bahawa melalui penggunaan BBM, pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi.

Sehubungan itu, penggunaan BBM dalam pengajaran amat mempengaruhi penguasaan BM, termasuklah dari segi penggunaan tatabahasa pelajar-pelajar. Penggunaan BBM juga keseluruhannya dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai Bahasa Melayu.

Dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kebanyakan guru menyatakan bahawa mereka menggunakan BBM semasa mengajar bukanlah atas arahan pihak pentadbir/pengetua. Mereka menjalankan tugas bagi memenuhi keperluan pelajar (Schulman, 1987). Di samping itu, guru-guru menyatakan bahawa mereka berasa puas semasa mengajar jika menggunakan BBM. Proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan dan isi pelajaran dapat disampaikan sepenuhnya.

Manakala dari segi ekspektasi pelajar pula, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar berasa sangat seronok jika guru mereka menggunakan BBM semasa mengajar. Ini membantu pemahaman mereka terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. BBM yang sesuai memberi kesan terhadap minat pelajar. Komputer merupakan BBM yang paling diminati. Ini menunjukkan bahawa guru perlu celik komputer bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar kini.

Bibliografi

- Asad bin Awang. (1995). "Kesan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Pelajar Tingkatan Satu di Sebuah Sekolah". *Dissertation M.Ed. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan UM [Universiti Malaya].
- Atan Long. (1986). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeyakumar Govindan. (1998). "Penggunaan Alat Bantu Mengajar oleh Guru Perdagangan di Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan". *Dissertation M.Ed. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan UM [Universiti Malaya].
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (1998). "Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Pengajaran Bahasa Arab". *Dissertation (M.M.L.S) Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik UM [Universiti Malaya].
- Schulman, L.S. (1986). "Those Who Understand: Knowledge in Teaching" dalam *Educational Researcher*, 15, ms.4-14.
- Schulman, L.S. (1987). "Knowledge and Teaching: Foundation of the New Reform" dalam *Harvard Educational Review*, 57(1), ms.1-22.